


Dalam Negeri

Raja Permaisuri Agong berkenan melawat Masjid Sri Sendayan



TUNKU Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan mencemar duli melawat Masjid Sri Sendayan di Bandar Sri Sendayan, Seremban. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI

SEREMBAN: Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan berangkat menziarahi Masjid Sri Sendayan, Bandar Sri Sendayan di sini.

Seri Paduka tiba di masjid berkenaan pada pukul 6.30 petang dengan diiringi anakanda, Tengku Puteri Raja Afzan Aminah Hafidzatullah.

Keberangkatan tiba Seri Paduka disambut pengasas syarikat perbankan Kumpulan RHB, Tan Sri Abd. Rashid Hussain yang juga individu yang mewakafkan masjid tersebut bersama isteri, Puan Sri Hani Yang Mohd. Yatim.

Seri Paduka seterusnya menunaikan solat sunat dan kemudian berkenan melawat sekitar masjid yang berkeluasan 4.5 hektar itu.

Seri Paduka turut berkenan menunaikan solat maghrib yang diimamkan Imam Besar Masjid

Sri Sendayan, Ustaz Mohd. Nazri Abu Zarim dan solat isyak yang diimamkan oleh Imam 3 Masjid Sri Sendayan, Sheikh Mohamed Abdelnaby.

Raja Permaisuri Agong kemudiannya beramah mesra bersama jemaah yang hadir dengan masing-masing tidak melepaskan peluang untuk bersalaman dengan Seri Paduka.

Masjid Sri Sendayan menjadi antara tarikan di negeri ini dan menarik tumpuan ramai dengan keindahan seni binanya.

Mula dibina pada 2015 dan dirasmikan pada 20 September 2019, Masjid Sri Sendayan mampu memuatkan sehingga 5,000 jemaah pada satu-satu masa sekali gus menjadi masjid terbesar di Negeri Sembilan.

Masjid yang terletak kira-kira 10 kilometer dari bandar Seremban itu, diwakafkan oleh Abd. Rashid dan dibina dengan kos lebih RM100 juta itu.